



BAHAGIAN UKUR BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN & UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAWALAN KEATAS PENAMBAHAN DAN PENGUBAHSUAIAN
BANGUNAN RUMAH KEDIAMAN OLEH PIHAK BERKUASA
TEMPATAN

NOR IREWAN SHAH BIN IBRAHIM
(2004309624)

SARJANA MUDA UKUR BANGUNAN (KEPUJIAN)

1 JUN 2009

ABSTRAK

Permintaan yang tinggi keatas kerja-kerja penambahan dan pengubahsuaian ini menyebabkan bebanan dan tanggungan yang tinggi kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi memastikan sesuatu kerja penambahan dan pengubahsuaian yang dijalankan pada sesuatu bangunan itu tidak bersalahan dengan undang-undang, pemilik hendaklah memohon kelulusan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan memastikan kerja penambahan dan pengubahsuaian tersebut mematuhi peruntukan undang-undang serta garis panduan yang telah ditetapkan. Apa yang dikesalkan adalah apabila sesuatu kerja penambahan dan pengubahsuaian yang dijalankan kepada sesuatu bangunan itu melanggar undang-undang serta tidak dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Objektif pertama kajian ini adalah mengkaji proses kelulusan bagi permohonan untuk menjalankan kerja-kerja penambahan dan pengubahsuaian keatas rumah kediaman. Disamping itu objektif kedua kajian ini lebih tertumpu kepada proses kawalan/tindakan penguatkuasaan keatas kerja penambahan dan pengubahsuaian keatas rumah kediaman. Objektif ketiga kajian ini untuk memahami persepsi dan pandangan pemilik rumah dan pihak

Perunding terhadap kerja-kerja tambahan dan pengubahsuaian keatas rumah kediaman.

Kaedah temubual digunakan bagi mencapai objektif pertama dan kedua. Pegawai PBT adalah orang yang berke Layakan untuk ditemubual. Oleh itu tiga PBT yang dipilih iaitu MBPJ, MBSA dan MPSJ dipilih untuk menjayakan sesi temubual ini. Manakala kaedah soal selidik digunakan bagi mencapai objektif ketiga. Pemilik dan perunding yang berurusan di ketiga-tiga kawasan iaitu MBPJ, MBSA dan MPSJ dipilih untuk menjayakan sesi soal selidik.

Kajian mendapati bahawa kebanyakan pemilik rumah berpengetahuan keatas kerja-kerja penambahan dan pengubahsuaian ini. Walaubagaimanapun pengetahuan sahaja tidak mencukupi untuk melayakkan pemilik untuk mengemukakan permohonan ke Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak perunding adalah orang yang berke Layakan untuk membimbing, menasihati dan membantu pemilik dalam membuat permohonan ke Pihak Berkuasa Tempatan. Kajian ini juga menjelaskan bahawa pihak Perunding adalah orang yang pakar dan mahir dalam bidang ini. Kajian juga mendapati proses kelulusan yang diamalkan pada

ketiga-tiga Pihak Berkuasa Tempatan adalah berkesan. Setelah kelulusan sehari atau 24 jam diperkenalkan masalah kelambatan tempoh kelulusan dapat diatasi dengan berjayanya. Walaubagaimanapun, proses aduan dan penguatkuasaan terhadap binaan tanpa kebenaran dan melencung adalah tidak memuaskan pada ketiga-tiga Pihak Berkuasa Tempatan. Kajian mendapati bahawa ketiga-tiga Pihak Berkuasa Tempatan ini tidak tegas dalam menangani kerja penambahan dan pengubahsuaian yang bersalahan dengan undang-undang.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	M/s
	PENGHARGAAN	i
	ABSTRAK	iii
	ISI KANDUNGAN	vi
	SENARAI RAJAH	xiii
	CARTA ORGANISASI	xiv
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI CARTA BAR	xiiv
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	2
	1.3 Matlamat Kajian	4
	1.4 Objektif Kajian	4
	1.5 Skop Kajian	5
	1.6 Metodologi	6
	1.7 Limitasi Kajian	9
	1.8 Ringkasan Bab	11